

## **Penggunaan Internet Di Dalam Mempertingkatkan Proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) Dalam Kalangan Pelajar, Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah**

*Azzamurni Bt Mohtar & Aini Hazrin Binti Ahmad Anuar*

*Jabatan Perdagangan*

*Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah*

*06000 Bandar Darul Aman, Jitra, Kedah*

---

**Abstrak:** *Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan internet dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam kalangan pelajar di Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS). Seramai 53 orang pelajar telah dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian ini. Satu set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Kajian ini dibuat untuk mengetahui persepsi penggunaan internet dalam P&P, tahap penggunaan internet, bentuk atau aplikasi internet, dan masalah yang dihadapi ketika menggunakan internet dalam proses P&P. Data kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan 'Statistical Package for the Social Science version 23.0' (SPSS) yang dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar mengenai penggunaan internet dalam P&P adalah positif dengan nilai min yang tinggi namun tahap penggunaan internet dalam P&P adalah berada pada tahap yang sederhana. Selain itu, bentuk penggunaan internet yang sering digunakan dalam P&P adalah memuat naik (upload) bahan pembelajaran contohnya nota. Manakala masalah yang sering dihadapi oleh pelajar ketika menggunakan internet dalam proses P&P adalah masalah pengurusan masa dan masalah talian internet.*

---

**Kata Kunci:** *Pakej Statistik untuk Sains Sosial versi 23.0 (SPSS), persepsi di kalangan pelajar.*

---

### **1.0 Pengenalan**

Dalam era globalisasi yang canggih dengan teknologi hebat pada masa kini. Masyarakat di setiap pelusuk dunia sentiasa mengikuti perkembangan teknologi maklumat dari semasa ke semasa lebih-lebih lagi bagi golongan muda. Pada masa kini, masyarakat banyak mengaplikasikan pelbagai jenis teknologi maklumat dalam kehidupan seharian seperti penggunaan laman sosial, beberapa pangkalan data atas talian (online), penggunaan email dan sebagainya.

Oleh yang demikian, kita dapat ketahui bahawa dalam perkembangan teknologi pada masa kini banyak memerlukan kemahiran menggunakan komputer seta internet. Namun dewasa ini, teknologi masa kini telah diperluaskan lagi dengan wujudnya telefon pintar. Ini membuktikan bahawa teknologi pada hari ini berkembang semakin pesat. Oleh itu, sebagai seorang guru, kita seharusnya tidak boleh ketinggalan dalam arus perkenangan teknologi ini. Menurut Graft (2002) dalam Ismail dan Subki (2010) menyarankan seseorang pendidik yang profesional perlu peka terhadap insiatif pendidikan yang terkini. Manakala Mok Soon Sang (2007) menegaskan guru hendaklah melengkapkan diri dengan menguasai kemahiran menggunakan internet untuk memperoleh maklumat tentang perkembangan pedagogi pengajaran masa kini di samping membimbing murid menggunakan internet sebagai bahan dalam P&P.

Oleh sebab itu, pengajar pada zaman ini haruslah mempertingkatkan kemahiran dalam bidang ICT supaya pengajar dapat mengaplikasikan dengan sebaik mungkin terhadap teknologi yang ada pada masa kini. Pengajar juga boleh menerapkan elemen ICT dalam pengajaran dalam pembelajaran

untuk menarik minat pelajar supaya mereka mudah memahami ilmu yang disampaikan oleh pengajar tersebut.

### 1.1 *Pernyataan Masalah*

Di institusi pengajian tinggi awam atau swasta (IPTA/IPTS) khususnya, mereka yang banyak terdedah kepada teknologi baru terutamanya melibatkan penggunaan komputer dan internet. Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Jabatan Perdagangan mula dibekalkan kepada semua pensyarah dan pelajar kemudahan Internet ini atau pun jaringan tanpa wayar. (Mohmad Jeofrey, 2002) dengan kemudahan internet yang boleh dicapai di dalam bilik pensyarah dan di bilik kuliah, ditambah dengan wireless (internet tanpa wayar) di dalam fakulti itu sendiri. Pentingnya pengajaran di universiti sangat ditekankan oleh menteri, terutama dalam konteks menjadikan Malaysia '*Regional Educational Powerhouse*'. Mutu pengajaran akan menarik lebih banyak penuntut dan kesudahannya akan membawa lebih banyak pendapatan kepada university (Berita Harian, 1997). Oleh yang demikian, berdasarkan kepada latar belakang dan pernyataan masalah diatas maka satu kajian bagi mengenalpasti persepsi pelajar mengenai penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran dikaji.

### 1.2 *Objektif Kajian*

- i) Menenalpasti persepsi pelajar mengenai kepentingan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- ii) Menenalpasti sejauh manakah tahap penggunaan internet dikalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- iii) Menenalpasti apakah bentuk penggunaan internet yang kerap digunakan oleh pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv) Menenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menggunakan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### 1.3 *Kepentingan Kajian*

Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan maklum balas kepada pihak Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) untuk dinilai akan kebenarannya. Diharapkan juga ia menjadi salah satu saluran kepada Polimas mengetahui perkembangan semasa pelajar di Polimas dan dengan itu boleh menilai semula atau membuat perancangan pada masa hadapan dengan lebih teliti. Selain itu diharapkan juga, hasil kajian ini memberi manfaat kepada Jabatan Perdagangan sebagai salah satu saluran juga dalam mengetahui perkembangan pelajar Jabatan Perdagangan itu sendiri mengenai persepsi mereka dalam mengintegrasikan kemudahan teknologi yang diberikan di jabatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada pelajar dan seterusnya kepada pihak berwajib yang lain.



Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak lain disamping merasakan keperluan kepada diri penyelidik sendiri yang akan bakal menjadi pendidik suatu masa nanti kelak. Diharapkan juga kajian ini menjadi pendorong kepada penyelidik lain untuk terus mengkaji skop yang lebih luas dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pengajaran dalam bidang pendidikan.

#### 1.4 Skop Kajian

Di dalam kajian ini responden hanya terbatas di antara pelajar akademik semester lima sahaja iaitu bagi kursus “Services Marketing”. Di Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah. Fokus utama dalam kajian ini adalah mengkaji persepsi pelajar mengenai penggunaan internet dalam pengajaran dan pembelajaran, maka tahap pengetahuan atau literasi responden mengenai komputer ataupun internet tidak akan diuji.

### 2.0 Metodologi Kajian

#### 2.1 Reka Bentuk Kajian

Bentuk kajian penyelidikan yang akan dijalankan adalah berbentuk deskriptif dengan menggunakan soal selidik. Penyelidikan deskriptif adalah satu kaedah kuantitatif. Mengikut Azizi Yahaya et al. (2007), statistik deskriptif digunakan bagi menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperolehi bagi populasi ataupun sampel, ia biasanya digunakan oleh para penyelidik bagi membuat ringkasan pada data yang mempunyai kuantiti yang besar. Set soal selidik disediakan dan diedarkan kepada responden bagi mendapatkan maklumat. Soal selidik dibina dan diedarkan kepada responden digunakan untuk mendapatkan maklumbalas tentang persepsi, bentuk, tahap dan masalah mengenai penggunaan internet dalam mempertingkatkan proses P&P. Penggunaan soal selidik bagi penyelidik adalah mudah dan sesuai dengan masa malahan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar.

#### 2.2 Sampel Kajian

Dalam sesuatu penyelidikan pendidikan, mengenal pasti populasi merupakan perkara penting kerana ia menentukan bidang masalah yang perlu dikaji serta sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpul. Dalam kajian ini, sampel yang dipilih secara rawak mudah daripada populasi 103 orang pelajar semester lima dalam bidang Pemasaran yang aktif belajar di Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu’adzam Shah. Sampel yang dipilih adalah sebanyak 53 orang mengikut kepada jadual Krejcie, R.V and Morgan D.W dalam Azizi et al., (2007).

#### 2.3 Instrumen Kajian

Menurut Syaharam (1990), instrumen kajian merupakan alat pengukuran yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang sesuatu subjek. Dalam kajian ini, soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik yang disediakan adalah mengikut skala Likert.






### 3.0 Analisis Data

**Paired Samples Statistics**

		Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Pair 1	Pre Test	2.06	54	.834	.113
	Post Test	4.31	54	.543	.074
Pair 2	Pre Test	2.24	54	.725	.099
	Post Test	4.44	54	.572	.078
Pair 3	Pre Test	2.13	54	.802	.109
	Post Test	4.48	54	.540	.074
Pair 4	Pre Test	2.19	54	.803	.109
	Post Test	4.52	54	.540	.074
Pair 5	Pre Test	2.17	54	.818	.111
	Post Test	4.50	54	.575	.078
Pair 6	Pre Test	2.19	53	.735	.101
	Post Test	4.43	53	.500	.069
Pair 7	Pre Test	2.31	54	.797	.108
	Post Test	4.39	54	.596	.081
Pair 8	Pre Test	2.24	54	.751	.102
	Post Test	4.44	54	.572	.078
Pair 9	Pre Test	2.17	54	.720	.098
	Post Test	4.44	54	.572	.078
Pair 10	Pre Test	2.17	54	.795	.108
	Post Test	4.50	54	.575	.078
Pair 11	Pre Test	2.20	54	.762	.104
	Post Test	4.52	54	.574	.078
Pair 12	Pre Test	2.17	54	.771	.105
	Post Test	4.50	54	.575	.078
Pair 13	Pre Test	2.26	54	.678	.092
	Post Test	4.35	54	.588	.080
Pair 14	Pre Test	2.07	54	.773	.105
	Post Test	4.39	54	.627	.085
Pair 15	Pre Test	2.09	54	.784	.107
	Post Test	4.41	54	.659	.090
Pair 16	Pre Test	2.17	54	.818	.111
	Post Test	4.50	54	.541	.074

#### 3.1 Dapatan Min dari soalan-soalan yang telah dikemukakan untuk sebelum dan selepas penggunaan Internet.

Melalui kajian ini, kita dapat mengetahui bahawa bagi soalan satu iaitu Saya lebih bersemangat pembelajaran menggunakan internet daripada responden menyatakan sebelum dan selepas penggunaan internet adalah [Min:2.06, 4.31]. Manakala bagi soalan dua iaitu “Saya melayari internet sekurang-kurangnya sekali dalam sehari” adalah [Min: 2.24, 4.44]. Soalan ketiga “Saya lebih suka melayari internet di telefon sendiri” [Min: 2.13, 4.48]. Soalan keempat “Saya lebih suka melayari laman web berkaitan game” dan “Online game” [Min: 2.19, 4.52]. Nampak ada perubahan ketara juga bagi soalan kelima iaitu “Biasanya saya menggunakan internet untuk menghantar laporan kepada pensyarah” [Min: 2.17, 4.50]. Bagi soalan keenam iaitu “Saya lebih kerap melayari laman web ilmiah berbanding laman web lain untuk carian maklumat” [Min: 2.19, 4.43]. Manakala bagi soalan tujuh dan lapan Min yang terlibat bagi kedua-duanya adalah [Min: 2.31, 4.39] dan [Min: 2.24, 4.44].



Berdasarkan graf diatas. Graf ini adalah berdasarkan kajian selepas penggunaan internet berlaku. Apa yang telah dipaparkan ia menunjukkan bagi soalan satu ialah sebanyak 60% Setuju, 36% sangat tidak setuju dan 4% adalah tidak pasti. Manakala bagi soalan kedua 50% menunjukkan sangat tidak setuju tidak setuju hanya 2% dan 48% adalah tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Bagi soalan ketiga pula sebanyak 52% respon menyatakan sangat tidak setuju, 44% tidak setuju dan 4% adalah tidak pasti. Manakala bagi soalan keempat apa yang dapat disimpulkan 50% responden menyatakan tidak setuju lebih suka melayari laman web berkaitan hiburan dan permainan online, 48% menyatakan sangat tidak setuju dan 2% menyatakan tidak pasti.

#### 4.0 Rumusan

Penyelidik akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan penganalisan data yang dibuat. Perbincangan ditumpukan untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan iaitu persepsi pelajar, tahap penggunaan internet, bentuk penggunaan internet dan masalah pelajar berkenaan penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini dijalankan ke atas 53 orang pelajar dari Jabatan Perdagangan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dibawah kursus "Services Marketing". Bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk deskriptif. Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik yang menggunakan Skala Likert. Borang soal selidik yang diedarkan kepada responden mengandungi 16 soalan yang berkaitan dengan internet. Bagi mengetahui peratusan dan min atau hasil kajian yang dijalankan, data-data mentah yang dikumpul



dianalisis dengan menggunakan perisian komputer 'Statistical Package for the Social Science version 23.0' (SPSS).

## RUJUKAN

- [1] Lee Shok Mee (1998). *Psikologi pendidikan 2: Teori dan Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- [2] Mohd. Aizani Maarof (2004). *Siri II: Teknologi Maklumat Internet, Sistem Maklumat dan Bahasa Pengaturcaraan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- [3] Mustafa Dakian (2008) Mengembalikan Momentum Ekonomi. *Dewan Masyarakat*, 40-41.  
Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendelikon*. Johor Bahru: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- [4] Mohd Jeffrey bin Yussin (2002). *Penggunaan Komputer Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pensyarah Fakulti Pendidikan UTM*. Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- [5] Shaharam Abdullah (1990). *Panduan Amali Untuk Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- [6] Mohd Zuhair Azuar bin Arifin (2003) *Penggunaan Internet Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru*. Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- [7] Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025* Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006).